



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia khususnya kepada rakyat Negeri Johor yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan **KONTRAK** berikut di Tourism Johor.

BIL	JAWATAN	GREED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)
1.	Pembantu Ehwat Ekonomi	E19	Pelaksana	Ekonomi	RM1,353.00 – RM4,005.00

### A. SYARAT LANTIKAN DAN KELULUSAN

#### JAWATAN - PEMBANTU EHWAL EKONOMI E19

#### 1. SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;  
( Gaji Permulaan ialah pada Gred E19 : RM1,353.00); **atau**
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
( Gaji Permulaan ialah pada Gred E19 : RM1,353.00); **atau**
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred E19 : RM1,409.40 ).

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

( Gaji permulaan ialah pada Gred E19 : RM1,465.80 ).

**A. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan.

**B. PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred E19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**C. DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa kesemasa.

**D. PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati di **Tourism Johor** atau dengan memuat turun borang di media sosial Tourism Johor <https://www.facebook.com/tourismjohor/>

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:

**Pengarah  
Tourism Johor  
Aras 3-24, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Johor (JOTIC)  
No. 2, Jalan Ayer Molek  
80000 JOHOR BAHRU**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 17 Februari 2022**

*(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)*



**E. PERHATIAN KEPADA PEMOHON:**

- a) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini;
- b) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran pasport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah;
- c) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- d) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga; dan
- e) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- f) Pentadbiran Tourism Johor tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

PENGARAH  
TOURISM JOHOR  
ARAS 3-24, PUSAT PENERANGAN PELANCONGAN NEGERI JOHOR (JOTIC)  
NO. 2, JALAN AYER MOLEK  
80000 JOHOR BAHRU

Tel : 07-2241432/2249960